



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
BLOK K, ARAS 2  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
PETI SURAT 12579  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033  
Fax : 03-20956523  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : pro@kpkt.gov.my

---

(17)KPKT/BPK/19/7/4 Klt.25

18 Mei 2009

## **SIARAN MEDIA**

### ***(PRESS RELEASE)***

Berikut adalah maklum balas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai laporan akhbar Sinar Harian bertarikh 21 April 2009.

#### **PEMAJU SERING TERSELAMAT**

Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab terus ke atas semua projek-projek perumahan di seluruh negara. Jabatan sentiasa bersikap telus dalam menangani isu-isu perumahan ini. Jabatan melalui Bahagian Pemantauan Projek Swasta (BPPS) akan sentiasa memantau mana-mana projek perumahan swasta yang mempunyai lesen dan berdaftar dengan KPKT. Jabatan akan memantau dan sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa kemajuan teknikal dan kewangan pemaju. Semua pemaju diwajibkan mengemaskini dan melaporkan kemajuan projek mereka ke Jabatan melalui sistem elektronik iaitu '**Sistem Idaman**' dan juga melalui laporan Borang 7F. Sekiranya pemaju gagal mengemaskini Sistem Idaman dan gagal menghantar Borang 7F tersebut, mereka akan

dikenakan tindakan kompaun oleh JPN melalui Bahagian Penguatkuasaan.

Selain itu, JPN juga memantau projek-projek perumahan untuk memastikan projek tersebut disiapkan mengikut masa yang telah dipersetujui seperti di dalam '**Surat Perjanjian Jual Beli**' (SPJB). Bagi projek perumahan yang dikategorikan sebagai terbengkalai, Jabatan melalui Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai akan menyelia dan memantau projek tersebut dengan mencari langkah-langkah yang sesuai seperti menyerahkan projek tersebut kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk memulihkan projek tersebut. Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab melantik 'white knight' sebagai pengganti pemaju asal untuk menyiapkan projek tersebut.

Jabatan sentiasa peka dengan sebarang aduan berkaitan perumahan. Untuk itu, Jabatan telah menyediakan satu bahagian khusus untuk menguruskan aduan. Pegawai-pegawai yang ditempatkan di bahagian ini bukan sahaja memantau dan menyelesaikan aduan di pejabat sahaja malahan mereka akan turut turun padang untuk melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh pengadu. Salah satu cara penyelesaian yang diguna pakai oleh Pegawai Aduan untuk menyelesaikan aduan adalah dengan memanggil pemaju untuk hadir sama ke rumah/premis pengadu semasa sesi lawatan turun padang.

Sebarang aduan mengenai perumahan boleh disalurkan ke JPN melalui alamat seperti berikut:-

Cawangan Pengurusan Aduan Perumahan  
Bahagian Penguatkuasaan  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Blok B (Utara), Aras 3,  
Pusat Bandar Damansara  
Kuala Lumpur  
Telefon : 03-20924488  
Faks : 03-20936797  
Emel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan